

# TAHAP KEPRIHATINAN GURU BAHASA INGGERIS DALAM PELAKSANAAN KURIKULUM BAHASA INGGERIS CEFR (*THE COMMON EUROPEAN FRAMEWORK OF REFERENCE FOR LANGUAGES*)

**LEVEL OF TEACHERS' CONCERNS IN THE IMPLEMENTATION OF CEFR (*THE COMMON EUROPEAN FRAMEWORK OF REFERENCE FOR LANGUAGES*)**

**Kee Siaw Ling<sup>1</sup>**

Fakulti Pendidikan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
(Email: siaw\_ling92@yahoo.com)

**Zanaton Hj Iksan<sup>2</sup>**

Universiti Kebangsaan Malaysia  
(Email: zanaton.iksan@ukm.edu.my)

**Accepted date:** 16-03-2019

**Published date:** 17-07-2019

**To cite this document:** Kee, S. L., & Iksan, Z. (2019). Tahap Keprihatinan Guru Bahasa Inggeris Dalam Pelaksanaan Kurikulum Bahasa Inggeris CEFR (*The Common European Framework of Reference For Languages*). *International Journal of Modern Education*, 1(1), 39-50.

**DOI:** 10.35631/ijmoe.11004

**Abstrak:** Common European of Framework Reference (CEFR) ialah satu standard pengukuran penguasaan Bahasa Inggeris yang diperakui oleh negara barat. Taraf Bahasa Inggeris di kalangan murid yang kurang memuaskan perlu ditingkat. Lantaran itu, CEFR dilaksanakan secara serentak seluruh Malaysia semenjak tahun 2017 bagi murid-murid darjah satu dan dua. Kajian ini dijalankan bagi mengkaji tahap keprihatinan guru Bahasa Inggeris terhadap pelaksanaan CEFR di Bangsar Pudu, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dengan menggunakan rekabentuk kajian tinjauan. Kajian ini menggunakan Model Penerimaan Berasaskan Keprihatinan (MPBK) atau Concerns-Based Adoption Model (CBAM) sebagai kerangka teori. Data telah dikutip daripada 205 guru Bahasa Inggeris daripada 101 buah sekolah rendah berdasarkan soal selidik Stages of Concern Questionnaire (SoCQ) yang berasaskan model CBAM. Menerusi analisis ANOVA Sehala, mendapat terdapat perbezaan yang signifikan dalam pengalaman mengajardi mana guru yang berpengalaman mengajar lebih 30 tahun lebih berprihatin terhadap CEFR berbanding dengan guru-guru lain. Namun, tiada perbezaan yang signifikan didapati dari segi kelayakan akademik guru bahasa Inggeris. Dapatkan kajian ini dipercayai dapat membantu Kementerian Pendidikan Malaysia untuk mengenalpasti dan memperbaiki lagi pelaksanaan kurikulum CEFR.

**Kata Kunci:** Profil Tahap Keprihatinan, *Concerns-Based Adoption Model* (CBAM), CEFR

**Abstract:** The Common European of Framework Reference (CEFR) is a standardized measurement recognized by western countries to evaluate English proficiency. Unsatisfactory English level among student should be elevated. Hence, CEFR is being implemented simultaneously throughout Malaysia since 2017 for Year one and Year two students. Each English teacher must be prepared to accept any change in order to manage the changes efficiently and effectively as they are the "implementing group" to commence the change. This study was conducted to examine the level of English language teachers' attitudes towards the implementation of CEFR in Bangsar Pudu, Federal Territory of Kuala Lumpur by using survey research. This study adopted Concern Based Adoption Model (CBAM) as theoretical framework. The data were collected from 205 English teachers from 101 schools using questionnaires on Stages of Concern Questionnaire (SoCQ) based on CBAM model. Through ANOVA One-way analysis, there was a significant difference of teacher concerns in the teaching experience more than 30 years in CEFR compared to other teachers. However, there is no significant difference in the academic level of English teachers. The findings of this study are believed to help the Ministry of Education to identify and improve the implementation of CEFR curriculum.

**Keywords:** Level of Profile, Concerns-Based Adoption Model (CBAM), CEFR

---

## Pengenalan

Statistik mengenai index kemahiran Bahasa Inggeris dari *Education First* (2017) menunjukkan negara Malaysia kini menduduki tempat ke-13 dalam kedudukan index kemahiran Bahasa Inggeris atau *English Profeciency Index* antara 80 buah negara dari seluruh dunia dengan mencapai index kemahiran Bahasa Inggeris: 61.07. Statistik tersebut menyatakan bahawa tahap Bahasa Inggeris rakyat Malaysia dikira kemahiran tinggi atau *high proficiency*. Namun, tahap Bahasa Inggeris negara kita masih ketinggalan negara Singapura yang mencapai index kemahiran Bahasa Inggeris: 66.03 yang dikira sebagai kemahiran sangat tinggi atau *very high proficiency* dan mendapat tempat ke-5 di antara 80 buah negara. Hal ini menunjukkan Malaysia masih mempunyai ruang peningkatan untuk pemantapan tahap Bahasa Inggeris yang sedia ada.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) berusaha untuk meningkatkan taraf Bahasa Inggeris di kalangan murid di Malaysia sehingga mencapai taraf antarabangsa. Bagi memantapkan lagi penguasaan Bahasa Inggeris di kalangan murid, maka *Common European of Framework Reference (CEFR)* dilaksanakan tanpa berlengah-lengah pada tahun 2017 dengan menggantikan Kurikulum Standard Sekolah Rendah Semakan (KSSR Semakan) di darjah 1 dan tahun 2, dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) bagi Tingkatan 1 dan 2.

## Pernyataan Masalah

Kajian ini memenuhi keperluan tersebut dengan penerokaan tahap keprihatinan guru-guru Bahasa Inggeris Tahun 1 dan 2 melalui penggunaan *the Stages of Concern Questionnaire (SoCQ)*. Seterusnya, tahap keprihatinan guru –guru Bahasa Inggeris terhadap inovasi CEFR akan diterokai dari segi pengalaman pengajaran dan opsyen. Dalam kajian ini, model teorikal yang digunakan adalah *Concerns-Based Adoption Model (CBAM)* atau Model Penerimaan Berasaskan Keprihatinan.

Oleh sebab CEFR ini baru dilaksanakan pada tahun 2017, penyelidikan dalam bidang ini masih tidak banyak dijalankan. Walaupun terdapat penyelidikan yang serupa dijalankan di peringkat sekolah menengah bagi Tingkatan 1 dan 2 oleh Yueh ( 2018), namun belum ada penyelidikan yang menggunakan sampel guru-guru Bahasa Inggeris tahun 1 dan 2 di Bangsar Pudu, Wilayah

Persekutuan Kuala Lumpur, Bantiwini (2009) dan Wang (2013) juga menyatakan bahawa tahap kejayaan atau kegagalan sesuatu inovasi atau perubahan kurikulum bergantung kepada guru kerana gurulah yang bertanggungjawab untuk melaksanakan inovasi di dalam bilik darjah. Pendapat ini turut disokong oleh Conroy (1999) dan Pilot (2007) iaitu terdapat banyak faktor yang mempengaruhi proses perubahan kurikulum; salah satu faktor penting ialah peranan guru. Oleh itu, adalah wajar untuk melihat faktor guru sebelum inovasi kurikulum dilaksanakan. Dalam kajian yang dikendali oleh Conroy (1999) dan Pilot (2007), penemuan menunjukkan bahawa proses pelaksanaan perubahan kurikulum akan terganggu jika guru tidak jelas mengenai perubahan tersebut. Oleh itu, jelas dan nyata bahawa kajian ini penting dan sesuai untuk mengkaji keprihatinan guru-guru Bahasa Inggeris tahun 1 dan 2 mengenai perubahan dan pelaksanaan kurikulum CEFR.

### **Objektif**


1. Mengenalpasti tahap keprihatinan guru Bahasa Inggeris di sekolah rendah Bangsar Pudu, Kuala Lumpur terhadap pelaksanaan CEFR berdasarkan pengalaman mengajar.
2. Mengenalpasti tahap keprihatinan guru Inggeris sekolah di rendah terhadap pelaksanaan CEFR berdasarkan kelayakan akademik.

### **Persoalan**

1. Apakah tahap keprihatinan guru Bahasa Inggeris terhadap pelaksanaan CEFR di sekolah rendah Bangsar Pudu, Kuala Lumpur?
2. Sejauh manakah keprihatinan guru BI terhadap CEFR berdasarkan pengalaman mengajar?
3. Sejauh manakah keprihatinan guru BI terhadap CEFR berdasarkan kelayakan akademik?

### **Kerangka Konseptual**

Dimensi perspektif guru yang dikaji berupaya mengenalpasti intensiti tujuh peringkat keprihatinan. Rajah 1 menunjukkan kerangka konseptual kajian yang dibina berdasarkan prinsip-prinsip model CBAM terhadap pengalaman dan kelayakan akademik guru bahasa Inggeris dalam konteks inovasi kurikulum Bahasa Inggeris CEFR.



**Rajah 1: Kerangka Konseptual Keprihatinan (CBAM)**

## **Tinjauan Literatur**

Terdapat beberapa kajian sarjana tempatan mengenai program CEFR dilaksana walaupun kajian kurang didapati. Dalam kajian Yeoh (2018) mendapati guru-guru Bahasa Inggeris di Negeri Sembilan yang mengajar Tingkatan 1 dan 2 menunjukkan tahap keprihatinan yang tinggi terhadap maklumat, kesedaran, peribadi, pengurusan dan kesan dalam melaksanakan inovasi CEFR. Walau bagaimanapun, guru-guru masih tertumpu kepada diri dan tugas-tugas. Dalam konteks ini, mungkin disebabkan bahawa mereka lebih berorientasikan kepada arahan perancangan dan proses pengajaran dan pembelajaran harian mereka (Hall & Hord, 2014). Yeoh (2018) juga mendapati terdapat keperluan program intervensi dijalankan untuk menyokong dan membimbing guru-guru Bahasa Inggeris untuk mengharungi dan menerima perubahan kurikulum secara terbuka.

Pengalaman guru mengajar dijadikan pemboleh ubah bebas iaitu sebagai satu aspek kajian keprihatinannya. Berdasarkan kajian oleh Cheung dan Yip (2004) juga menunjukkan bahawa guru yang berpengalaman di dalam kajiannya berada di tahap keprihatinan 1 (peringkat Keprihatinan Kesedaran) dan tahap keprihatinan 3 (peringkat Keprihatinan Peribadi) dan belum mencapai peringkat Keprihatinan Kesan. Berdasarkan dapatan Cheung & Yip (2004) menunjukkan bahawa pengalaman tidak memberi kesan yang tinggi terhadap tahap keprihatinan guru. Pemboleh ubah kelayakan akademik sering digunakan dalam kajian keprihatinan. Dalam kajian Kamarul Azman (2013) yang mana mengkaji keprihatinan perlaksanaan KSPK dalam Tunjang Awal Sains yang mana dapatannya menunjukkan kelayakan akademik yang berbeza antara guru sama ada memiliki ijazah atau sebaliknya tidak menunjukkan perbezaan dari segi keprihatinannya.

Berdasarkan kajian Cetinkaya (2012), kelayakan akademik adalah pemboleh ubah yang mengkaji perhubungannya dengan keprihatinan. Dapatan kajian Cetinkaya menunjukkan guru yang mempunyai Sarjana adalah lebih prihatin berbanding dengan guru yang mempunyai Sarjana Muda sahaja di semua peringkat impak. Kajian oleh Stammen dan Aronson (2008) pula berlainan dapatan dengan kajian Cetinkaya (2012) di mana dapatti tiada perbezaan antara pengguna dan bukan pengguna inovasi dari segi tahap akademik atau pengalaman mengajar. Begitu juga dengan kajian Shelby dan Sanchez (2010) yang juga mendapati tiada hubungan antara tahap pendidikan dan peringkat keprihatinan. Dapatan kajian yang sama juga didapati dalam kajian Maphalala (2006), beliau mendapati jantina, umur, pengalaman dan kelayakan akademik tidak mempengaruhi pendidik menerima kurikulum.

Dalam kajian Zarina (2008) pula menyatakan bahawa guru merupakan peneraju pembangunan pendidikan dan untuk menjadi guru yang bertaraf dunia, guru harus bersiap sedia menghadapi situasi yang tidak dapat diduga. Latihan dalam adalah diperlukan bagi membantu guru memahami keadaan bilik darjahnya lebih dengan peka dan mendalam. Kajian lain juga menunjukkan tidak terdapatnya hubungan yang signifikan antara tahun pengalaman mengajar guru dan kecekapan diri terhadap tahap penggunaan komputer dan teknologi komputer (Redmann Kotrlík 2009; Saleh 2008). Kajian oleh Elisavet Hadjipavli (2011) mendapati penemuan penyelidik kontemporari penggunaan teknologi dan inovasi teknologi juga mendedahkan bahawa pemboleh ubah demografi, tahun pengalaman mengajar adalah peramal keprihatinan guru (Cavas et al., 2009; Christou et al., 2004; Isman et al., 2007). Berdasarkan dapatan ini didapati bahawa tahun pengalaman mengajar adalah meramal kepada keprihatinan guru. Kajian AlRawajfih, Fong dan Idros (2010) menunjukkan bahawa tahap keprihatinan berkaitan integrasi pembelajaran di Jordon mempunyai perbezaan berdasarkan pengalaman mengajar. Berdasarkan kajian Roselita (2017) juga menunjukkan terdapat perbezaan

keprihatinan guru dalam melaksanakan Pendekatan Belajar melalui Bermain (PBMB) dalam pengajaran Bahasa Malaysia di prasekolah berdasarkan pengalaman.

### **Metodologi**

Penyelidik menggunakan reka bentuk kajian kuantitatif yang menggunakan kaedah tinjauan dalam kajian ini. Responden kajian ini terdiri daripada guru bahasa Inggeris yang mengajar di daerah Bangsar dan Pudu, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang mengamalkan kurikulum bahasa Inggeris yang sama iaitu CEFR. Soal selidik *Stage of Concern Questionnaire* (SoCQ) telah diedarkan ke 101 buah sekolah rendah yang dipilih. Profil responden berdasarkan demografi iaitu jantina, umur, kelayakan akademik, pengalaman mengajar dan bilangan menghadiri kursus CEFR ditunjukkan dalam Jadual 1.

**Jadual 1: Profil Responden**

<b>Profil responden</b>		<b>Kekerapan N=205</b>	<b>Peratusan (%)</b>
Jantina	Lelaki	37	18
	Perempuan	168	82
Umur (tahun)	20-29	92	44.9
	30-39	53	25.9
	40-49	36	17.6
	>50	24	11.7
Kelayakan Akademik	Bukan siswazah	33	16.1
	Siswazah	142	69.3
	Siswazah lanjutan	30	14.6
Pengalaman Mengajar (tahun)	1-10	126	61.5
	11-20	39	19.0
	21-30	35	17.1
	>30	5	2.4
Bilangan kali menghadiri kursus atau latihan dalam perkhidmatan (LDP) CEFR	Tidak pernah	34	16.6
	1 kali	75	36.6
	2 kali	56	27.3
	3 kali	40	19.5

Ujian kebolehpercayaan bagi peringkat keprihatinan dan tahap penggunaan dijalankan bagi memperoleh nilai Alpha Cronbach. Kajian rintis dijalankan dengan 31 sampel dari sekolah rendah dan indeks kebolehpercayaan adalah di antara julat 0.733 dan 0.895. Statistik yang digunakan dibahagikan kepada dua bahagian iaitu analisis deskriptif dan analisis inferensi. Analisis deskriptif yang digunakan adalah min dan sisihan piawai. Manakala analisis inferensi

yang digunakan adalah Ujian ANOVA Sehala. Instrumen kajian telah diedarkan melalui cetakan dan dikumpul melalui Google Form bagi memudahkan pengumpulan data pengkaji.

### **Dapatan Kajian**

#### **Tahap Keprihatinan Guru Bahasa Inggeris**

Untuk menjana profil umum terhadap tahap keprihatinan guru, analisis peringkat keprihatinan ini dijalani berdasarkan panduan SoCQ Quick Scoring Device (George et al., 2006). Pemarkahan dikira dengan menjumlahkan markah pada kelima-lima item pada setiap tahap. Jumlah setiap peringkat adalah dikenali sebagai skor peringkat mentah dan ditukarkan kepada “skor peratusan” (*Percentile Score*) dengan merujuk kepada Carta Penukaran Peratusan Tahap Keprihatinan.

**Jadual 2: Peringkat Keprihatinan**

Peringkat Keprihatinan	Min	Sisihan Piawai	Skor Peringkat Mentah	Skor Peratus	Interpretasi
Peringkat Kesedaran PK (0)	3.551	1.014	17.753	95	Sangat Tinggi
Peringkat Maklumat PK (1)	4.935	1.067	24.675	88	Tinggi
Peringkat Peribadi PK (2)	4.951	1.157	24.755	83	Tinggi
Peringkat Pengurusan PK (3)	4.430	1.107	22.150	83	Tinggi
Peringkat Kesan PK (4)	5.102	1.022	25.51	54	Rendah
Peringkat Kolaborasi PK (5)	5.076	1.122	25.380	68	Sederhana
Peringkat Pemfokusan Semula PK (6)	4.506	1.077	22.530	73	Sederhana

Berdasarkan skor peratus yang dijana, Peringkat Kesedaran mempunyai nilai skor peratus yang tertinggi iaitu 95 %. Hasil dapatan kajian menunjukkan Peringkat Kesedaran (PK0) guru bahasa Inggeris berada di intensi yang amat tinggi. Berdasarkan Model CBAM, intensi yang tinggi dalam Peringkat Kesedaran menunjukkan guru kurang atau tidak prihatin dalam sesuatu inovasi atau kurikulum baru yang dilaksanakan. Bagi Peringkat Maklumat (PK1) dan Peribadi (PK2), kedua-dua kategori ini juga menunjukkan intensi peratusan yang tinggi. Hal ini menunjukkan para guru bahasa Inggeris mempunyai keinginan untuk maklumat yang lebih lanjut. Peringkat Peribadi dan Peringkat Pengurusan masing-masing menjana nilai skor peratus

yang agak tinggi iaitu sebanyak 83%. Ini menunjukkan guru bahasa Inggeris mempamerkan keprihatinan terhadap pengurusan kendiri dari segi masa serta kemampuan kendiri semasa menjalankan CEFR.

Nilai skor peratus yang ditunjukkan oleh Peringkat Kesan adalah terendah iaitu hanya 54% menyimpulkan guru –guru hanya menaruh sedikit keprihatinan terhadap kesan pelaksanaan CEFR terhadap murid-murid. Manakala Peringkat Kolaborasi menunjukkan nilai skor peratus yang agak rendah iaitu 68% mempamerkan guru bahasa Inggeris mempunyai kolaborasi antara semasa guru untuk penukaran cadangan atau pendapat dalam pelaksanaan CEFR walaupun bukan mempunyai kekerapan yang tinggi. Untuk Peringkat Pemfokusan Semula, intensi peratusan yang sederhana iaitu 73% dan terdapat kenaikan ekoran pada tahap ini mempamerkan guru bahasa Inggeris mempunyai idea terhadap cara mengendalikan CEFR.

#### ***Tahap Keprihatinan Guru Berdasarkan Pengalaman Mengajar***

Berdasarkan Jadual 3 mendapati terdapat perbezaan peringkat keprihatinan guru bahasa Inggeris dalam pelaksanaan CEFR berdasarkan pengalaman mengajar. Dapatkan kajian ini menunjukkan bahawa guru yang mempunyai pengalaman mengajar 30 tahun ke atas mempunyai keprihatinan yang lebih tinggi berbanding dengan guru-guru yang lain kecuali untuk Peringkat Peribadi (PK2) dan Peringkat Kolaborasi (PK6).

**Jadual 3: Anova Peringkat Keprihatinan Guru Bahasa Inggeris Berdasarkan Pengalaman Mengajar**

<b>Variabel Demografik</b>	<b>Peringkat Keprihatinan</b>	<b>Sig</b>	<b>Ho</b>
Pengalaman Mengajar	PK0 Kesedaran	0.008	ditolak
	PK1 Maklumat	0.042	ditolak
1-10 tahun	PK2 Peribadi	0.618	diterima
11-20 tahun	PK3 Pengurusan	0.000	ditolak
21-30 tahun	PK4 Kesan	0.039	ditolak
> 30 tahun	PK5Kolaborasi	0.160	diterima
	PK6 Pemfokusan	0.013	ditolak
	Semula		

Keadaan yang sama juga didapati dalam kajian Christou, Eliophotou-Menon dan Philippou (2004) menunjukkan bahawa guru yang amat berpengalaman (melebihi 20 tahun) mencapai skor yang lebih tinggi. Hasil dapatan Christou, Eliophotou-Menon dan Philippou (2004) mencadangkan guru yang amat berpengalaman ini kurang memerlukan maklumat berkenaan inovasi dan lebih berkeyakinan dengan kebolehan atau profesion mereka untuk berurus dengan inovasi kurikulum baru berbanding dengan guru novis yang baru mengajar 1-5 tahun. Elisavet Hadjipavli (2011) juga menyatakan bahawa pengalaman mengajar dan umur berupaya untuk meramal keprihatinan guru (Cavas et al. 2009; Christou et al. 2004; Isman et al. 2007). Ini membuktikan pengalaman mengajar menjelaskan keprihatinan seseorang guru terhadap sesuatu inovasi Guru –guru berpengalaman banyak bergantung kepada ingatan dan tafsiran terhadap pengalaman pengajaran dahulu yang kerap dilalui dan dibentuk melalui interaksi dengan rakan sekerja (Gist & Mitchell, 1992).

Yueh (2018) dalam kajiannya yang mengaji tentang tahap keprihatinan guru bahasa Inggeris bagi sekolah menengah terhadap CEFR menyatakan guru yang kurang berpengalaman mengajar akan mengalami kebimbangan lebih banyak berbanding dengan kumpulan guru lain yang lebih berpengalaman berkenaan kesan yang dialami oleh murid dari segi penggunaan CEFR yang baru ini misalnya dari segi penggunaan buku teks yang baru dan kesan pelaksanaan kurikulum bahasa Inggeris CEFR dalam pemahaman dan pencapaian murid.

Bagi guru yang berpengalaman mengajar 21-30 tahun pula mempunyai tahap keprihatinan yang rendah berbanding dengan kategori guru yang lain. Kebanyakan guru dalam kategori ini sudah berumur 40 hingga 50 lebih tahun dan kebanyakannya mereka berkeluarga. Oleh itu, keprihatinan mereka lebih tertumpu kepada keluarga. Berdasarkan *Social Cognitive Theory* (SCT) (Bandura, 1977) menyatakan bahawa perubahan tingkah laku individu bergantung kepada faktor-faktor individu, faktor alam sekitar, dan faktor sikap. Faktor alam sekitar merujuk kepada faktor yang memberi kesan kepada tingkah laku sama ada dari segi sosial ataupun fizikal. Faktor sosial termasuk keluarga, rakan, dan rakan kerja.

**Jadual 4: Ujian Post Hoc- Scheffe Peringkat Keprihatinan Kesedaran Guru Antara Pengalaman Mengajar**

Peringkat	Pengalaman Mengajar	Perbezaan Min	Sig
<b>Keprihatinan</b>			
<b>Kesedaran</b>	21-30 tahun	-0.66635	0.021
	11-20 tahun	-0.52337	0.250
	>30 tahun	0.21714	0.982

Jadual 4 menunjukkan keputusan perbezaan Post Hoc Comparisons di mana perbezaan yang signifikan didapati antara skor min kumpulan guru yang berpengalaman mengajar 21-30 tahun dengan 1-10 tahun dengan nilai -0.66635. Tanda negatif pada perbezaan min menunjukkan bahawa skor min bagi guru berpengalaman mengajar 21-30 tahun lebih kecil daripada skor min kumpulan 1- 10 tahun dan 11-20 tahun. Hal ini menunjukkan tahap keprihatinan guru yang berpengalaman mengajar 21-30 tahun adalah lebih rendah kesedaran berbanding dengan guru-guru lain.

Hasil dapatan data juga mendapat peringkat kesedaran (PK0), terutamanya bagi kumpulan guru yang mengajar 1- 10 tahun dan 11-20 tahun yang mencapai skor peratusan setinggi 93%. Manakala bagi Peringkat Kesan (PK4), para guru memamerkan keprihatinan yang rendah iaitu dalam lingkungan skor peratusan 43% hingga 66 %. Ini mempamerkan profil guru yang kurang mementingkan kesan pelaksanaan CEFR terhadap murid. Guru –guru sepatutnya mengambil kira kesan pelaksanaan CEFR ke atas murid kerana murid-murid yang akan mendapat manfaat dalam sepanjang proses tersebut. Jadual 5 pula menunjukkan perbandingan pelbagai (*Post Hoc Test*) antara pengalaman mengajar guru berdasarkan keprihatinan kesan.

**Jadual 5: Ujian Post Hoc- Scheffe Peringkat Keprihatinan Kesan Guru Antara Pengalaman Mengajar**

Peringkat	Pengalaman Mengajar	Perbezaan Min	Sig
<b>Keprihatinan</b>			
Kesan	> 30 tahun	1-10 tahun	0.44762

11-20 tahun	0.34872	0.912
21-30 tahun	0.92000	0.306

Jadual 5 menunjukkan keputusan perbezaan Post Hoc Comparisons di mana skor min guru yang berpengalaman lebih daripada 30 tahun lebih tinggi berbanding dengan semua kategori guru terutamanya bagi kumpulan guru yang berpengalaman mengajar 21-30 tahun dengan perbezaan min sebanyak 0.92000. Hal ini menunjukkan guru yang berpengalaman mengajar lebih daripada 30 tahun adalah mempunyai keprihatinan kesan yang lebih tinggi berbanding dengan guru yang berpengalaman mengajar 21- 30 tahun dan mereka lebih mementingkan kesan pelaksanaan CEFR terhadap murid.

Secara kesimpulannya, keempat-empat kumpulan guru yang berpengalaman mengajar menunjukkan “kenaikan ekor” bagi Tahap 6 menjelaskan bukan pengguna yang bercuriga. Menurut George et al. (2006) skor peratusan yang tinggi bagi peringkat awal dan mempunyai “kenaikan ekor” menjelaskan bahawa terdapat rintangan dalam pelaksanaan inovasi CEFR. Profil jenis ini mencadangkan bahawa guru mempunyai idea yang berbeza dengan CEFR.

#### ***Tahap Keprihatinan Guru Berdasarkan Kelayakan Akademik***

Berdasarkan dapatan kajian dalam Jadual 6 mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan peringkat keprihatinan guru bahasa Inggeris dalam melaksanakan kurikulum CEFR berdasarkan berbezanya kelayakan akademik antara guru bukan siswazah, guru siswazah dan guru siswazah lanjutan kecuali untuk Peringkat Maklumat (PK1) dengan nilai F= 3.870 dan sig = 0.022 ( $p < 0.05$ ).

**Jadual 6: Anova Peringkat Keprihatinan Guru Bahasa Inggeris Berdasarkan Kelayakan Akademik**

Variabel Demografik	Peringkat Keprihatinan	Sig	Ho
Kelayakan Akademik	PK0 Kesedaran	0.420	diterima
	PK1 Maklumat	0.022	ditolak
Bukan Siswazah	PK2 Peribadi	0.265	diterima
Siswazah	PK3 Pengurusan	0.061	diterima
Siswazah Lanjutan	PK4 Kesan	0.310	diterima
	PK5 Kolaborasi	0.066	diterima
	PK6 Pemfokusan Semula	0.379	diterima

Hasil kajian yang dijalankan oleh Sharifah, Kamarul and Kamaruzaman (2011) menyatakan bahawa tiada perbezaan antara guru kelulusan ijazah dengan guru kelulusan ijazah dalam literasi sains di prasekolah. Berdasarkan Pusat Perkembangan Kurikulum (1999), penggunaan atau pengaplikasian inovasi kurang dipengaruhi dengan kelulusan ikhtisas seseorang guru namun apa yang lebih diperlukan adalah pengalaman dan latihan yang diberi. Faktor yang menyumbang kepada pengabaian guru-guru terhadap pelaksanaan inovasi adalah seperti kekurangan pengalaman, pengetahuan dan kemahiran untuk menggunakanannya. Keadaan yang sama juga berlaku pada kajian Yueh (2018) yang mendapati tiada perbezaan yang signifikan dalam keprihatinan guru terhadap inovasi CEFR dalam konteks kelayakan akademik kecuali untuk Peringkat Peribadi (PK2). Dapatan kajian menunjukkan kelayakan akademik tidak

mempengaruhi tahap keprihatinan guru. Walaupun seseorang guru itu bersiswazah lanjutan, tidak bermakna guru tersebut amat berpengalaman dalam bidang bahasa Inggeris. Namun, unsur pegetahuan dan pengalaman merupakan satu faktor yang amat memainkan peranan dalam keprihatinan guru terhadap inovasi.

Lebih-lebih lagi, kerajaan meletak sasaran supaya majoriti guru di negara ini memiliki sekurang-kurangnya ijazah sarjana menjelang 2030 (Nur Lela Zulkipli. 2018). Bagi mencapai hasrat dan matlamat itu, Menteri Pendidikan, Dr Maszlee Malik, berharap universiti-universiti awam dapat memberi kelonggaran dengan menukar jam kursus atau latihan dihadiri guru kepada jam kredit pengajian ijazah sarjana. Contohnya, kredit masa untuk Sarjana dipendekkan dari dua tahun ke satu tahun. Dengan itu, guru generasi baru kini lebih berpeluang untuk melanjutkan pengajian ke peringkat sarjana atau PhD. Oleh itu pada marcapada ini, ramai guru berkelulusan sijil maktab perguruan berduyun-duyun melanjutkan pelajaran atas tujuan meningkatkan profesion dalam karier dan kualiti kerjaya.

### **Kesimpulan**

Dapatkan kajian menunjukkan bahawa keprihatinan guru yang tertinggi masih di peringkat kesedaran sahaja. Jika keprihatinan guru berterusan di Peringkat Kesedaran (PK0) sahaja dan tidak berkembang maju, nescaya itu senario ini mendatangkan implikasi yang tidak baik kepada pelaksanaan inovasi CEFR. Situasi ini akan melambatkan proses mencapai matlamat dan objektif kurikulum. Lantasan itu, hasil pembelajaran murid tidak akan tercapai. Berdasarkan hasil dapatan menunjukkan perbezaan pengalaman mengajar membawa kepada perbezaan keprihatinan di mana guru yang mengajar lebih daripada 30 tahun mempunyai keprihatinan yang lebih tinggi berbanding dengan guru-guru bahasa Inggeris yang lain. Oleh itu, guru-guru novis yang kekurangan pengalaman mengajar perlukan latihan intensif atau bimbingan yang berterusan disusuli dengan bengkel, kursus, latihan dalam perkhidmatan dan pemantauan. Input yang dibekal nescaya akan menyumbang terhadap tahap keprihatinan seseorang individu.

Guru –guru juga boleh menjalankan Komuniti Pembelajaran Profesional atau dikenali sebagai *Professional Learning Community* (PLC) semasa merancangkan aktiviti pengajaran dan pembelajaran di mana guru yang berpengalaman boleh berpeluang untuk mengongsikan pengalamannya kepada guru-guru lain yang memerlukannya. PLC ini mampu berfungsi sebagai satu medium pengajaran melalui proses kolaborasi antara guru dengan pelbagai pihak dalam menyelesaikan isu-isu berkaitan pengajaran dan pengajaran (PdP) di dalam bilik darjah mahupun luar bilik darjah dalam memberi kepuasan dan minat yang mendalam ke atas diri setiap murid-murid secara keseluruhannya.

Perancangan Pelan Pendidikan 2013-2025 yang mementingkan kejayaan pembelajaran telah dilancar oleh KPM bagi mengadakan *School Improvement Specialist Coach* (SISC) atau juga dikenali sebagai Jurulatih Pakar Pembangunan Sekolah. Program ini bertujuan untuk mempertingkat kualiti pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Matematik. KPM seharusnya menambah penrekrutan jawatan SISC+ ini bagi membantu guru-guru bahasa Inggeris meningkatkan keprihatinan mereka dengan input yang bersesuaian dan secara berterusan.

Secara tuntasnya, hasil dapatan kajian ini mampu menyumbang kepada usaha Kementerian Pendidikan Malaysia dalam meningkat prestasi bahasa Inggeris semasa. Kajian ini amat bermakna dan boleh dimanfaatkan kepada semua pihak yang berkaitan dengan pendidikan. Maklumat yang didapati daripada kajian ini diharapkan dapat menjadi panduan kepada semua pihak dalam merancang pembangunan profesionalisme guru bahasa Inggeris yang bersesuaian.

Perincian pengenalpastian peringkat dan tahap penggunaan guru ini memudahkan semua pihak menangani masalah berkaitan serta dapat memberi manfaat yang akhirnya juga kepada murid-murid. Akhirnya cadangan kajian lanjutan juga diharapkan boleh dijadikan panduan kepada pengkaji lain yang turut berminat untuk megkaji peringkat keprihatinan guru dalam CEFR.

## Rujukan

- Al-Rawajfih, K., Fong, S. F., & Idros, S. (2010). Stages of concern in Integrating E learning in discovery schools. *Asian Social Science* 6(8): 54-63.
- Bandura, A. (1977). Self-efficacy: Toward a unifying theory of behavioural change. *Psychological Review*, 84, 191-215.
- Bantiwini, B.D. (2009). *How teachers perceive the new curriculum reform: Lessons from a school district in the Eastern Cape Province, South Africa*. International Journal of Educational Development, 30 (1), 83- 90.
- Cavas, B., Cavas, P., Karaoglan, B., & Kisla, T. (2009). A study on Science Teachers' attitudes toward information and communications technologies in education. *Turkish Online Journal of Educational Technology* 8(2): 20-32.
- Cheung, D., & Yip. D.Y. (2004). How Science teacher concern about school based. Assessment of practical work vary with time: The Hong Kong practical. *Research in Science And Technology Education* 22(2): 153-159.
- Christou, C, Eliophotou-Menon, M., & Philippou, G. (2004). Teachers' concerns regarding the adoption of a new mathematics curriculum: An application of CBAM. *Educational Studies in Mathematics* 57(2): 157-177.
- Elisa Vethadipavli. (2011). An examination of Cypriot teachers' concerns regarding the adoption of a learning management system in secondary education. Tesis Ph.D. Northcentral University.
- Conroy, C.A. (1999). *Identifying barriers to infusion of aquaculture into secondary agriscience: Adoption of a curriculum innovation*. Journal of Agricultural Education, 40 (3), 1-10.
- Gist, M.E. and Mitchell, T.R. (1992). Self-efficacy: a theoretical analysis of its determinants and malleability: *Academy of Management Review*, 17 (2), 183-211.
- Hall, G. E., & Hord, S. M. 2011. *Implementing Change: Patterns, Principles and Potholes* (Edisi ke-3). New Jersey: Pearson Education Inc.
- Hall, G. E., & Hord, S. M. (2014). *Implementing change: Patterns, Principles, and Potholes* (4th ed.). Upper Saddles River, NJ: Pearson.
- Kamarul Azman Abdul Salam. (2013). Penggunaan CBAM untuk menilai pengajaran guru dalam inovasi kurikulum prasekolah. Tesis Dr. Fal, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2012). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM)2013-2025*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Maphalala, M. Ch. (2006). Educators' experiences in implementing the revised national curriculum statement in the get band. Tesis Ph.D. University of Zululand.
- Mohd Izham Mohd Hamzah dan Norazah Mohd. Nordin. (2009). *Peranan Pentadbir Dalam Proses Perubahan Terancang: Integrasi ICT dan Pedagogi Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran*. Dlm Saemah Rahman, Mohd Izham Mohd Hamzah Dan Auzar (pnyt.) *Reformasi Pendidikan Serantau*, hlm. 263-274. Bangi: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Majid Konting. (2000). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Najib Abdul Ghafar. (2003). *Reka bentuk tinjauan soal selidik pendidikan*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.

- Nur Lela Zulkipli. (2018). Sasar majoriti guru miliki sarjana menjelang 2030. *Berita Harian*, 6 Disember: 1.
- Pilot, A. (2007). *The teachers as a crucial factor in curriculum innovation- The case of Utrecht University*. Papers presented at the Conference "Teaching and Learning according and after Bologna, Swiss Federal Institute of Technology (ETH), Zurich, Switzerland, 9-1 March 2007.
- Rebecca et al. (2004). *European Profile for Language Teacher Education - A Frame of Reference*. United Kingdom: University of Southampton.
- Redmann, D. H., & Kotrlik, J. W. (2009). Family and consumer Sciences Teachers' adoption of technology for use in secondary classroom. *Journal of Family & Consumer Sciences Education* 27(1): 29-45.
- Saleh, H. K. (2008). Computer-self efficacy of University faculty in Lebanon. *Educational Technology Research and Development* 56: 229-240.
- Sharifah Nor Puteh, Kamarul Azman Abd Salam and Kamaruzaman Jusoff. (2011). Using CBAM to Evaluate Teachers' Concerns in Science Literacy for Human Capital Development at the Preschool. *World Applied Sciences Journal* 14 (Learning Innovation and Intervention for Diverse Learners): 81-87.
- Shelby, E., & Sanchez, T. (2010). Theological faculty and the use of Internet based education: Perceptions and concerns. *Journal for the Liberal Arts and Sciences* 14(2): 15-24.
- Stammen, R. & Aronson, L. (2008). Technology skills and concerns toward technology integration. Dlm. K. McFerrin et al. (pnyt.). *Proceedings of Society for Information Technology & Teacher Education International Conference*, hlm. 2235-2242. Chesapeake, VA: AACE.
- Sufean Hussin. (1993). *Pendidikan di Malaysia*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Sufean Hussin Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Sufean Hussin. (2008). *Pendidikan Di Malaysia. Sejarah, Sistem dan Falsafah Edisi Kedua*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Wang, W. (2013). *Teachers' stages of concern and levels of use of a curriculum innovation in China: A case study*. International Journal of English Language Teaching. 1 (1), 22-31.
- Yueh, Y.L. (2018). *English Teachers' Concern on Common European Framework of Reference for Languages (Cefr): An Application of CBAM*. JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik, 6(1), 46-58. Diakses daripada <https://ajap.um.edu.my/index.php/JUKU/article/view/11174> pada 12 Jun 2018.